



Working Paper No. 21, March 2008

**POLITIK PENAUNGAN DAN PARTISIPASI POLITIK PERIBUMI IBAN
DI SARAWAK**

Neilson Ihan Mersat

Working Paper Series

**Faculty
of
Social Sciences**

Uni
DS
597.367
123
N414
2008

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000168002

Working Paper No. 21, March 2008

**POLITIK PENAUNGAN DAN PARTISIPASI POLITIK PERIBUMI IBAN
DI SARAWAK**

Neilson Ilan Mersat

Uni
DS
597.367
I23
N414
2008



POLITIK PENGAUNGAN DAN PARTISIPASI POLITIK PERIBUMI IBAN DI SARAWAK¹

**Neilson Ilan Mersat
Faculti Sains Sosial
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

1. Pengenalan

Sebagai kumpulan etnik yang terbesar di Sarawak perkembangan politik masyarakat peribumi Iban telah banyak mewarnai politik negeri tersebut. Politik mereka yang “volatile” sifatnya menyebabkan “political realignment” kerap berlaku. Fenomena ini wujud sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1960an apabila politik kepartian diperkenalkan. Misalnya, pada tahun 1960an beberapa buah parti politik yang berteraskan sokongan peribumi Iban diwujudkan dan pada hari ini ada di antara parti-parti tersebut telah terkubur serta diganti dengan parti-parti politik yang baru. Lebih menarik lagi kumpulan peribumi Iban juga turut dikritik dari semasa ke semasa kerana tidak menumpukan sokongan politik kepada sebuah parti sahaja tetapi sebaliknya mereka berpecah dan memberikan sokongan kepada beberapa buah parti politik yang terdapat di Sarawak (Jayum, 1994). Politik yang berpecah-pecah ini dikatakan menyukarkan proses konsolidasi politik mereka bila dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

Kertas ini mengkaji penyertaan peribumi Iban dalam politik kepartian di Sarawak sejak merdeka. Kertas ini berhujah bahawa politik peribumi Iban perlu difahami dalam konteks politik penaungan yang sememangnya mempunyai pengaruh yang kuat dalam menentukan hala tuju politik Sarawak. Pada kebiasaannya, sokongan politik yang diberikan ialah dengan harapan ia dapat dibalas dengan penaungan. Lantaran itu mana-mana kumpulan yang tidak berada dalam rangkaian penaungan lazimnya akan tersisih. Kertas kerja ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang penglibatan peribumi Iban dalam politik di Sarawak dengan

¹ Kertas ini diubah suai daripada kertas kerja bertajuk “Demokrasi, politik patronej dan peribumi Iban di Sarawak” yang dibentangkan di Seminar Serantau Masyarakat Peribumi Cemerlang, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, 15-16 Januari 2007.

membahagikan partisipasi mereka kepada beberapa peringkat di mana setiap peringkat mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Persoalan yang umum sifatnya seperti apakah hala tuju demokrasi dalam amalan politik penaungan juga akan dijelaskan. Ringkas nya kertas kerja ini berhujah bahawa interpretasi politik peribumi Iban di Sarawak adalah lebih tepat sekiranya dilihat menggunakan prisme etnik dan penaungan.

2. Sarawak : Politik, Demokrasi, dan Penaungan

Salah satu daripada cara untuk mengekalkan kuasa politik ialah dengan memberikan penaungan. Penaungan bermaksud memberikan pertolongan dan layanan kepada penyokong-penyokong dan sekutu dengan mengharapkan sokongan politik mereka. Pertolongan boleh jadi dalam bentuk perlantikan ke jawatan yang tertentu, pemberian kontrak, tender, konsesi balak, tanah milik kerajaan dan juga projek-projek pembangunan lain yang diberikan dengan tujuan mengharapkan balasan dalam bentuk sokongan politik.²

Politik penaungan sememangnya mempunyai kaitan dengan hubungan *patron-client* di mana yang “lebih kuat” dari segi status ekonomi dan kuasa memberikan perlindungan kepada yang lebih lemah. Dalam *patron-client* sifat hubungan adalah “dyadic” di mana individu yang menduduki status ekonomi yang lebih tinggi akan menggunakan pengaruh dan juga sumber untuk memberikan perlindungan dan keuntungan kepada klien yang status ekonominya lebih rendah. Theobald (1999), membahagikan penaungan kepada dua bentuk, iaitu, Penaungan I dan Penaungan II. Menurut beliau Penaungan I berlaku di pinggir (*peripheral patronage*) dimana wujudnya hubungan bersifat tradisional seperti *patron-client* di antara orang yang berstatus tinggi seperti tuan tanah dan mereka yang berstatus rendah. Manakala Patronage II ialah penaungan di pusat di mana wujudnya “pertukaran layanan” untuk mendapatkan sokongan politik (Theobald, 1999: 491-502).

Seperti mana negara-negara membangun yang berbilang kaum sifatnya politik di Sarawak juga sering dianalisis dari berbagai perspektif yang

² “layanan” yang lain adalah seperti kontak, maklumat penting, perlindungan daripada undang-undang (Theobald 1999:504).

berbagai.³ Perspektif yang paling dominan ialah perbincangan menggunakan perspektif etnik. Semangat perkauman yang mencorak politik Malaysia juga mempengaruhi politik Sarawak. Kemunculan parti-parti politik yang berteraskan sokongan kaum yang tertentu di Sarawak memperkukuhkan andaian ini. Walaupun faktor etnik penting tetapi politik Sarawak juga dipengaruhi politik penaungan. Roff (1974) membuat pemerhatian yang agak tepat apabila beliau meramalkan bahawa politik Sarawak terus diwarnai oleh unsur-unsur penaungan. Itulah hakikat yang sebenar sehingga hari ini yang menyebabkan politik Sarawak adalah campuran politik etnik dan juga penaungan.

3. Orang Iban

Sememangnya terdapat banyak kajian yang telah dibuat tentang peribumi Iban di Sarawak. Lantaran itu terdapat beberapa versi tentang maksud perkataan dan juga siapa orang Iban sebenarnya. Penelope Graham (1987: 4-5) telah menggarap kajian-kajian awal dan membuat rumusan mengenai definisi dan maksud Iban dalam ayat-ayat berikut ;

The term Iban is said to mean "roving stranger" (Richards, 1981:111). It is thought to be a borrowing from Kayan ivan : immigrant or wanderer (Hose and MacDougall, 1912 : 11, 250) or from the Kayan divan : son-in-law or any younger person not related by blood to the speaker (Richards, 1981 :111). Jensen (1974 :17) says that, among the Iban themselves, the word can be used in three ways : first, to distinguish an Iban from a member of any other ethnic category, such as Kayan, Land Dayak, Chinese ; second, to mean "anyone/someone" in conversation ; third, to mean an ordinary Iban, as opposed to a shaman (manang).

Peribumi Iban berselerak di seluruh negeri Sarawak walaupun sebahagian besar daripada mereka terdapat di Bahagian Sri Aman, Betong, Kapit dan juga Sarikei. Dari sudut politik, peribumi Iban merupakan pengundi majoriti di dua puluh kawasan.

³ Milne & Ratnam (1974), Jayum (1987), Leigh (1974), Roff (1974) Searle (1983), Chin (1996), Aeria (1996), Mersat & Ahi (1999).

Jadual 1

Kawasan Dewan Undangan Negeri Sarawak Mempunyai Majoriti Iban

Constituencies	Iban Voters (%)	Turnout (%)		Popular Votes (%)		% change
		2001	2006	2001	2006	
1.Balai Ringin	87.6	KB	66	-	56	-
2.Bukit Begunan	87.3	63.2	69	66.1	83	-8.9
3.Simanggang	54.0	64.11	63	85.4	83	-2.4
4.Engkelili	85.9	70.9	69	54.2	52	-2
5.Batang Ai	94.7	MTB	73	-	56	-
6. Layar	72.12	61.8	68	80.6	74	-6.6
7.Bukit Saban	69.9	KB	69	-	68	-
8.Krian	95.9	72.3	72.5	66.34	63	-3.3
9.Pakan	92.3	73.4	73.2	66.5	62	-4.5
10.Meluan	95.4	74.8	69	64.7	66	1.2
11.Ngemah	91.8	67.2	64	59.4	51	-8.43
12.Machan	77.7	66.6	59	64.8	68	3.2
13.Tamin	95.0	67.9	64	87.9	66	-21.9
14.Kakus	91.3	63.8	58	75.3	68	-7.28
15.Pelagus	77.1	73.0	68	76.8	63	-13.8

16.Katibas	91.6	MTB	61	-	78	-
17.Baleh	99.6	70.0	61	94.3	89	-5.3
18.Kemena	87.1	64.2	60.4	79.1	58	-21.1
19.Marudi	60.5	55.9	52.0	68.1	76	7.2
20.Batu Danau	49.3	KB	69	-	62	-

KB (Kawasan Baru) MTB (Menang Tanpa Bertanding)

Sumber : Borneo Post, 21 Mei 2006

4. Politik Peribumi Iban Pasca-Merdeka

Fasa pertama politik peribumi Iban selepas merdeka pada tahun 1963 menyaksikan penglibatan mereka dalam politik kepartian, pembentukan kerajaan negeri Sarawak dan juga terlibat secara langsung dalam proses pilihan raya. Dua parti utama peribumi Iban pada masa itu ialah Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) dan Sarawak National Party (SNAP). Namun mereka juga memberikan sokongan kepada parti yang berteraskan sokongan kaum Cina, Sarawak United Peoples Party (SUPP). Pada suatu ketika hampir 40 peratus ahli parti itu dilaporkan terdiri daripada kaum Dayak yang majoritinya kaum Iban.

Fasa yang kedua dalam politik peribumi Iban ialah pada tahun 1970an di mana sebahagian besar daripada kaum itu yang menyokong SNAP menjadi pembangkang. Pada tahun 1976 mereka meninggalkan politik konfrontasi dan SNAP menyertai kerajaan BN pada tahun 1976. Kerajaan Campuran Sarawak pada masa itu terdiri daripada SUPP dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) telah menerima masuk SNAP ke dalam BN Sarawak. Politik perkongsian kuasa diterjemahkan melalui pemberian beberapa jawatan dalam kabinet negeri dan juga persekutuan kepada perwakilan dari kaum peribumi Iban. Penyertaan SNAP dalam kerajaan campuran diharap dapat memanfaatkan kaum itu terutama sekali semasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan pada tahun 1970.

Fasa ketiga ialah pada tahun 1980an di mana sentimen peribumi Iban seolah-olah mencapai tahap kemuncak dengan pembentukan Parti Bansa Dayak Sarawak pada tahun 1983. Ini diikuti dengan penglibatan beberapa orang pemimpin Iban dalam insiden Ming Court 1987 yang bertujuan untuk menggulingkan kerajaan pimpinan Taib Mahmud. Orang-orang Iban yang menyokong PBDS pada masa itu sekali lagi menjadi pembangkang di Sarawak walaupun masih lagi menjadi sebahagian daripada BN di peringkat pusat. Semangat "Dayakism" membara dan Projek Ketua Menteri Sarawak 1990 (KMS90) diperkenalkan. KMS90 bertujuan untuk menjadikan orang Iban sebagai Ketua Menteri Sarawak.

Fasa keempat ialah pada tahun 1990an. Projek KMS tidak berjaya apabila PBDS menerima kekalahan teruk. Pemimpin tersebut, Leo Moggie, memohon untuk menyertai BN Sarawak semula. Mereka hanya diterima masuk pada tahun 1994, iaitu, tiga tahun selepas permohonan dikemukakan. Kemasukan semula parti tersebut serentak dengan usaha kerajaan untuk membangunkan tanah adat di Sarawak secara besar-besaran. Kemasukan PBDS juga diharap dapat melancarkan lagi proses pembangunan tanah adat peribumi Iban. Pada tahun 1994 kerajaan Sarawak memperkenalkan model baru, iaitu, *Joint Venture*, untuk memajukan tanah adat ataupun lebih dikenali sebagai *Native Customary Rights* di Sarawak.

Fasa kelima bermula pada tahun 2000 di mana berlakunya beberapa siri "realignment" melibatkan beberapa buah parti politik orang Iban. Misalnya ada di antara parti-parti politik yang mewakili kaum tersebut dibubarkan dan digantikan dengan parti-parti politik yang baru. Tahun 2000 merupakan bibit awal perpecahan PBDS dengan persaingan di antara dua kumpulan, iaitu, Bujang Berani dan Bujang Bijak. Krisis berlarutan sehingga parti tersebut dibubarkan pada tahun 2003. Ini membawa kepada pembentukan parti baru iaitu, Parti Rakyat Sarawak (PRS). SNAP juga turut mengalami masalah yang hampir sama. Krisis kepimpinan berlaku sehingga sebuah parti baru dilahirkan, iaitu, Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP) pada tahun 2003. Kedua-dua kapal "titanic" kaum Iban yang tenggelam itu telah menimbulkan kesan politik kepada kumpulan tersebut. Kedua-dua parti baru, iaitu, Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan Sarawak Progressive Democratic Party (SPDP) kemudiannya menyertai BN. Namun terdapat juga beberapa orang

pemimpin Iban yang *partyless* setelah usaha untuk mendaftarkan parti baru, iaitu, Malaysian Dayak Congress ditolak oleh pendaftar pertubuhan.

5. Partisipasi Politik dan Pilihan Raya 2006 dan 2008

Dalam pilihan raya 2006 kesemua kerusi majoriti kawasan Iban kecuali Engkelili dan Ngemah dimenangi oleh BN. Ini bermakna mereka masih ingin mengekalkan *status quo* dan sentiment di peringkat bawahan ialah bahawa mereka sangat mengharapkan manfaat daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) yang sedang dilaksanakan. Seperti pilihan raya-pilihan raya yang lepas isu utama di kawasan peribumi Iban ialah berhubung pembangunan. Pembangkang mendakwa bahawa usaha kerajaan untuk membangunkan peribumi Iban terutama sekali di luar bandar adalah tidak mencukupi. Kerajaan pula berpendapat bahawa usaha untuk membangunkan peribumi di kawasan luar bandar adalah berterusan dan sokongan daripada rakyat adalah penting untuk kesinambungan usaha kerajaan yang sedang dijalankan. Isu pembangunan tanah adat juga turut mengambil tempat apatah lagi sebahagian besar daripada pemilik tanah adat di Sarawak adalah peribumi Iban. Model pembangunan tanah yang diperkenalkan oleh kerajaan juga dikritik dan dikatakan tidak banyak menguntungkan peribumi Iban yang menyertai program tersebut.

Kabinet negeri Sarawak yang dibentuk selepas pilihan raya 2006 memperlihatkan beberapa orang ahli politik peribumi Iban dilantik dalam kabinet yang baru (Jadual 2).

Jadual 2

Perwakilan Peribumi Iban Dalam Kabinet Kerajaan Sarawak 2006

Etnik	Menteri	Timbalan Menteri	Jumlah Ahli Dewan Undangan Negeri	Jumlah Penduduk Sarawak
Melayu/ Melanau	3	6	27	27.8
Cina	2	4	15	25.5
Iban	3	6	20	29
Bidayuh	1	0	6	8
Orang Ulu	0	0	3	5.7
Jumlah	9	16	71	

Sumber: Statistics Department Sarawak, 2005

Dalam pilihanraya umum Malaysia yang kedua belas kesemua kerusi di kawasan majoriti Iban dimenangi oleh BN (rujuk Jadual 3 dibawah). Misalnya, undi popular calon-calon yang mewakili BN di kawasan majoriti Iban seperti di Julau, Saratok, Betong telah meningkat dengan ketara. Keputusan pilihanraya umum kedua belas ini juga menunjukkan bahawa kerusi di kawasan luar bandar kekal sebagai kubu kuat BN di Sarawak. Isu-isu utama yang digunakan ialah seperti isu tanah, keselamatan rakyat, jalan raya yang kurang selesa, masalah api dan air, isu kenaikan harga barang dan kemudahan-kemudahan asas yang lain. BN telah berjaya menggunakan isu tersebut dengan bijak sehinggakan sukar bagi parti-parti bukan BN untuk meyakinkan pengundi apatah lagi untuk memberikan sokongan yang padu. Tambahan pula kredibiliti parti-parti lain yang kehadiran mereka hanya dapat dirasakan semasa pilihanraya juga sering dipertikaikan.

Jadual 3

Undi Popular 2004 and 2008

Kawasan	Pertusan mengundi		Majoriti		Undi popular	
	2004	2008	2004	2008	2004	2008
P202 Sri Aman	55.3	60.31	4,368	4,252	64.56	64.03
P203 Lubok Antu	68.79	69.97	2,035	1,610	58.55	56.74
P204 Betong	66.01	72.22	9,723	11,709	85.97	87.27
P205 Saratok	67.8	68.66	7,545	8,706	72.94	76.81
P209 Julau	72.20	65.56	2,688	7,584	59.54	78.90
P210 Kanowit	60.62	MTB	2,057	MTB	59.85	MTB
P214 Selangau	60.49	MTB	3,616	MTB	64.89	MTB
P215 Kapit	MTB	MTB	MTB	MTB	MTB	MTB
P217 Bintulu	64.95	64.73	11,267	14,965	63.66	73.17

KB (Kawasan Baru) MTB (Menang Tanpa Bertanding)

Sumber : Utusan Malaysia, 25 Februari 2008; New Straits Times, 10 Mac 2008; The Sunday Post, 9 Mac 2008.

Perwakilan dalam kabinet persekutuan ialah seramai seorang diberi jawatan penuh manakala tiga orang diberi jawatan timbalan menteri.

Bahagian seterusnya membincangkan pengalaman peribumi Iban dalam politik penaungan dan mengapa serta bagaimana ciri politik penaungan terus menjadi ciri penting politik peribumi Iban.

6. Penaungan Dalam Organisasi Politik Majoriti Peribumi Iban

Di peringkat parti pula organisasi politik sangat memerlukan penaung untuk mendapatkan sumbangan kewangan. Selalunya penaung yang dicari ialah seorang *tycoon* yang kaya dan *tycoon* tersebut sudah tentunya mengharapkan penaungan apabila parti atau pemimpin yang disokong oleh beliau berkuasa. Tambahan pula bagi orang-orang korporat sumbangan kewangan yang diberi kepada parti-parti politik adalah satu bentuk "*forward investment*". Secara keseluruhannya kebanyakan parti politik di Sarawak mempunyai "*financial backers*" masing-masing atau "*back mountains*" (Jadual 4). Malah ada di antara *tycoon* yang diwujudkan oleh pemimpin untuk tujuan membiayai parti politik mereka (Jayum 1994:140; Searle 1983).

Pada tahun 1960an sesetengah parti politik di Sarawak telah membuka pintu untuk membolehkan beberapa orang *tycoon* masuk menyertai parti mereka (Leigh 1974 :82). Sarawak National Party (SNAP) yang berteraskan sokongan peribumi Iban telah membuka pintunya untuk membolehkan *tycoon* masuk menyertai parti sebagai ahli. Malah ada di antara pemimpin-pemimpin parti yang terlalu rapat dengan *tycoon* tertentu serta didakwa tunduk kepada kehendak mereka (Chin 1996:100; Roff 1974:227; Morrison 1993:170). Selain daripada itu terdapat beberapa orang tokoh perniagaan yang tidak menyertai mana-mana parti politik tetapi bertindak sebagai "*financial backers*" serta menyokong beberapa buah parti politik yang berada dalam kerajaan. Tindakan ini (*spreading their investment*) adalah untuk memastikan mereka tidak disisihkan ("*left out*") oleh mana-mana parti yang memegang tampuk pemerintahan. Menurut seorang ahli perniagaan, '*It is best not to join a party but to be friends with everyone. If you join a party you lose business from those which belong to the other parties. It is best to support a 'party' only when it is in the government*' (Milne and Ratnam 1974:326). Taktik memberikan

bantuan kewangan kepada beberapa buah parti politik di Sarawak secara serentak. Ini satu taktik yang baik kerana mana-mana parti yang menang atau naik akan menguntungkan penaung tersebut (Leigh 1974; Roff 1973; Milne and Ratnam 1974; Searle 1983)

Jadual 4

Parti-Parti Politik dan Penaung Masing-Masing

Business people	Political Parties
James Wong	SNAP
Ling Beng Siew	SCA, PESAKA, BUMIPUTERA
Wee Hood Teck	SUPP, PESAKA, SNAP
We Boon Ping	SNAP, SUPP
Wong Tong Kuong	SUPP

Sumber: Leigh (1974); Roff (1973); Milne and Ratnam (1974); Searle (1983).

Sarawak National Party (SNAP) ditubuhkan pada tahun 1961. Pada tahun 1981 seorang *tycoon* bukan Dayak telah mengambil alih pucuk pimpinan parti dan menjadi Presiden parti itu. *Tycoon* tersebut juga telah menyertai SNAP sejak awal tahun 1960an lagi. Beliau juga merupakan salah seorang daripada *tycoon* yang memberikan sumbangan kewangan yang banyak kepada parti itu. Secara terbuka beliau menyatakan bahawa beliau juga pernah menolong pemimpin-pemimpin Dayak dalam parti itu. Menurut beliau, *"They can never find a better man like me. I am not joking. Everyone of them I have helped"* (Borneo Post 26 Jun 2002). Penyokong-penyokong beliau juga sering mengingatkan ahli-ahli parti akan sumbangan kewangan beliau dan menyeru agar mereka memberikan sokongan kepada kepimpinan beliau. Namun ada juga ahli-ahli yang berpendapat bahawa sumbangan kewangan beliau yang banyak itu adalah sebagai komitmen beliau terhadap parti tersebut dan penyokong-penyokong parti tidak sepatutnya rasa terhutang budi.

Walau bagaimanapun kepimpinan beliau mendapat tentangan daripada sebahagian ahli parti yang merasakan bahawa parti tersebut seharusnya dipimpin oleh seorang Dayak. Kumpulan yang tidak puas hati ini kemudiannya bertindak keluar secara beramai-ramai daripada SNAP dan

menubuhkan parti baru, iaitu, Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), pada tahun 1983.

Sebuah lagi organisasi politik yang berteraskan sokongan orang Dayak ialah Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS). Parti tersebut juga banyak bergantung kepada seorang *tycoon* untuk membiayai aktiviti-aktiviti parti. Seperti *counterpart* beliau di SNAP, *tycoon* ini juga merupakan “backer” dan juga “front liner” di mana beliau sendiri turut aktif dalam politik. Beliau bertanding dalam pilihan raya di peringkat Dewan Undangan Negeri mahupun Parlimen. Sumbangan beliau terhadap PBDS sememangnya diketahui umum dan banyak dilaporkan oleh media-media tempatan. Misalnya, beliau telah menyumbangkan bantuan kewangan berjumlah satu juta ringgit kepada yayasan pendidikan milik PBDS. Beliau juga menubuhkan satu lagi yayasan pendidikan untuk membantu pelajar-pelajar miskin dari kawasan pilihan raya yang diwakili anak beliau. Beliau juga terkenal kerana dikatakan amat bermurah hati kepada orang Dayak. Beliau juga mendakwa pernah ‘*brought up*’ beberapa orang pemimpin PBDS (*Malaysian Today* 27 July 2003). Menurut beliau lagi “*even when I wake up, and look through the window, I always think of ways to help the Dayaks,*” and “*although I have the China man look but I have Dayak heart*”.⁴

Beliau juga dikatakan memainkan peranan yang penting dalam penubuhan parti baru selepas perpecahan PBDS pada bulan Disember 2004. Krisis PBDS muncul apabila Timbalan Presiden, Daniel Tajem, mengambil alih pucuk pimpinan parti selepas Presiden parti itu, Leo Moggie, meletak jawatan. Setelah mengambil alih pucuk pimpinan beliau telah menggantikan beberapa orang ahli Majlis tertinggi parti dengan beberapa muka baru. Tindakan ini mendapat bantahan daripada pemimpin-pemimpin parti yang digugurkan dan mereka bertindak keluar parti dan membentuk parti yang baru, iaitu, Parti Rakyat Sarawak. Peranan serta sumbangan kewangan beliau dalam penubuhan parti itu diakui oleh pemimpin-pemimpin parti itu. Misalnya semasa perjumpaan di Sibu beberapa orang pemimpin PRS mengakui sumbangan kewangan beliau terhadap parti dan kehadiran beliau amat diperlukan untuk

⁴ *Sarawak Tribune*, 14 Mac 2003 and *Malaysian Today*, 26 Julai 2003.

memperkuhkan kedudukan kewangan parti itu (*to ensure the financial survival of the party*).⁵

Dalam kes kedua-dua parti, iaitu, PBDS dan SNAP ternyata bahawa kedua-dua *tycoon* tersebut mempunyai pengaruh yang kuat dalam parti. Mereka menggunakan kekayaan untuk menjadi *patron* serta mendapatkan tempat di dalam parti dan juga mengekalkan sokongan di peringkat akar umbi. Kedua-dua *patron* parti adalah orang korporat dan mempunyai kepentingan perniagaan. Sebagai “financial backers” mereka mengharapkan “patronage” sebagai pulangan untuk masa depan perniagaan mereka. Apa yang jelas ialah bahawa kedua-dua *tycoon* tersebut agak berjaya dalam meluaskan rangkaian perniagaan mereka.

Pada hari ini kedua-dua parti, iaitu, Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan juga Sarawak People Progressive Party (SPDP) masih lagi bergantung pada *tycoon* untuk mendapatkan sumbangan kewangan. Sememangnya kehadiran *tycoon* yang rata-rata bukan peribumi amat diperlukan untuk memudahkan parti-parti tersebut memobilisasi sokongan.

7. Penaungan dan “Pengurusan Hubungan Etnik”

Pengkaji-pengkaji politik di Sarawak bersependapat bahawa industri balak memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi politik negeri itu.⁶ Penguasaan terhadap pengeluaran lesen-lesen balak membolehkan orang yang berkuasa untuk mengagih-agihkan konsesi balak kepada penyokong-penyokong ataupun konco-konco mereka. Misalnya, Cooke (1999 : 85), menyifatkan duit hasil daripada aktiviti pembalakan sebagai “essential lifeline” kepada parti-parti politik yang wujud di negeri itu.⁷

Semasa krisis politik Sarawak pada tahun 1987 pihak-pihak yang bertelagah telah mendedahkan senarai nama pemilik-pemilik konsesi balak di Sarawak.⁸ Kedua-dua pihak mendakwa bahawa masing-masing telah menyalahgunakan kuasa serta “mencuri” kekayaan negeri Sarawak (INSAN, 1989 :31). Isu tersebut sememangnya hangat diperkatakan

⁵ *Sarawak Tribune* 12 April 2003.

⁶ Di antara pengkaji-pengkaji yang menyentuh tentang peranan industri balak dalam politik Sarawak ialah, Leigh 1991, 1998 ; Cooke 1999 ; Milne & Rtanam 1974; Brown 2002.

⁷ Stan Sesser, 1994 :244; Milne & Ratnam, 1974 : 318.

⁸ Brown 2002 ; Ritchie 1988 ; Yu Loon Ching 1988.

terutama sekali sebagai isu semasa pilihan raya. Semasa pilihan raya 1999 isu pemberian tanah kepada pihak-pihak tertentu juga turut dijadikan isu utama semasa berkempen. Parti pembangkang mengeluarkan senarai nama beberapa orang individu dan juga tokoh-tokoh koporat yang menurut mereka mendapat tanah daripada kerajaan negeri melalui hubungan mereka dengan pemimpin-pemimpin negeri.⁹ Seperti pada tahun 1987 isu tersebut tenggelam begitu sahaja selepas pilihan raya berakhir.

Pembahagian konsesi balak dan juga bentuk-bentuk penaungan yang lain juga digunakan untuk mendapatkan sokongan daripada kumpulan-kumpulan etnik yang berbagai.¹⁰ Dalam erti kata yang lain ia digunakan sebagai alat untuk “menguruskan hubungan etnik” di Sarawak. Elit politik dari kumpulan etnik yang berbagai ini seterusnya akan mengagih-agihkan penaungan kepada penyokong-penyokong yang lain. Dalam ertikata yang lain pembahagian konsesi-konsesi dengan cara ini juga dilihat sebagai satu bentuk perkongsian kekayaan (*wealth sharing*). Lazimnya, penyokong-penyokong dari kumpulan etnik yang berbagai akan terus memberikan sokongan kepada mereka yang mengagih-agihkan penaungan tersebut. Dari “luarannya” kelihatan kesemua kumpulan etnik mempunyai peluang untuk menikmati kekayaan negeri Sarawak. Sehubungan itu diandaikan bahawa tidak ada mana-mana pihak yang boleh mendakwa bahawa terdapatnya kumpulan yang tersisih dari pembangunan di negeri ini.

Beberapa orang pemimpin peribumi Iban juga mendapat penaungan sebagai ganjaran kepada sokongan mereka. Penyokong-penyokong mereka di peringkat bawahan sering melihat bahawa penaungan yang diterima oleh pemimpin-pemimpin mereka adalah kerana mereka sama-sama “memburu” (*ngasu*) serta berhak mendapat hasilnya. Ini bermakna mereka berhak untuk mendapat habuan seperti kontrak kerajaan, lesen balak, *Approved Permit* dan sebagainya. Sebaliknya mereka yang tidak pergi mengikut “memburu” dan kurang senang dengan habuan yang diperolehi pemimpin-pemimpin mereka itu sebagai iri hati atau *kepapas*.

⁹ Dua website yang mendedahkan “khabar angin” tersebut ialah Rengah Sarawak, <http://www.rengah.c2o.org> dan Randaauruai, <http://www.malaysia.net/randaauruai/>

¹⁰ Browne 2002 mengeluarkan senarai nama pemilik-pemilik konsesi balak yang berbilang kaum sifatnya.

8. Penaungan Di Peringkat Akar Umbi : “Semut dan Gula”

Salah satu daripada sebab mengapa pilihan raya di Sarawak begitu tinggi kosnya ialah kerana kawasanya yang luas dan berselerak (*disperse nature of the electorate*) (Cooke 1999:87; Milne & Ratnam 1974 :205). Sepertimana yang telah dinyatakan bahawa kos untuk mobilisasi sokongan di Sarawak amat tinggi. Secara keseluruhannya pengkaji-pengkaji politik Sarawak khasnya yang menulis tentang pilihan raya memberikan gambaran bahawa pilihan raya di Sarawak sememangnya meriah.¹¹

Pada kebiasaannya hari penamaan calon ibarat satu pesta di mana orang-orang politik perlu menyediakan makanan, pengangkutan dan juga penginapan untuk penyokong-penyokong mereka (Goldman, 1997 : 86). Perjumpaan sebelum hari penamaan calon adalah satu bentuk mobilisasi secara besar-besaran melibatkan penyokong-penyokong seluruh pelusuk kawasan pilihan raya tersebut. Sememangnya ia satu bentuk *Gawai* di mana tetamu turut dijemput daripada beberapa kampung dan rumah panjang di kawasan tersebut. Upacara tradisional seperti *miring* dan juga persembahan kebudayaan seperti *ngajat*, *renong* membuatkan *gawai* tersebut lebih meriah serta menarik lebih ramai orang. Lebih menarik ialah dari segi kos dan perbelanjaan yang digunakan untuk memobilisasi jumlah penyokong yang ramai. Kenderaan seperti pacuan empat roda, lori dan juga bas perlu disediakan untuk penyokong-penyokong mereka. Taktik ‘*rent a mob*’ ini bertujuan untuk menunjukkan sokongan yang diperolehi calon tersebut untuk dilaporkan di media (Wolfgang Sachsenroder 1998:18). Ini sudah tentunya memerlukan perbelanjaan yang besar.

Selain daripada berpesta calon-calon dari parti kerajaan yang bertanding juga mengagih-agihkan penaungan di peringkat akar umbi seperti Minor Rural Projects (MRP). Bentuk MRP adalah seperti jambatan, jalan kampung, dewan orang ramai, tempat rekreasi dan rumah-rumah untuk aktiviti keagamaan (Utusan Pembangunan AZAM, April 2002). Pada setiap tahun wakil rakyat dari Barisan Nasional (BN) mendapat peruntukan RM300,000 dan RM200,000 untuk Ahli Dewan Undangan Negeri dalam bentuk projek. Projek-projek ini diagihkan kepada

¹¹ Di antara pengkaji-pengkaji politik Sarawak ialah Milne & Ratnam (1974), Jayum (1987), Leigh (1974), Roff (1974) Searle (1983), Chin (1996), Aeria (1996), Mersat & Ahi (1999).

pengundi-pengundi. Parti pembangkang mendakwa bahawa MRP adalah “panadol” (*pain killer*) yang hanya menjadi ubat sementara. Di sesetengah kawasan MRP juga dikenali sebagai gula-gula untuk memikat semut (pengundi).¹²

Biasanya MRP akan diluluskan berdasarkan permintaan masyarakat tempatan dan projek-projek tersebut sering diagihkan semasa pilihan raya.¹³ Seorang ahli DUN menggunakan pantun untuk menggambarkan pentingnya MRP untuk mendapatkan sokongan. *Pisang Emas dibawa Belayar, Masak Sebiji di atas Peti, Hutang Emas boleh dibayar, Hutang undi Projek diberi*. Biasanya penyokong-penyokong akan diutamakan dalam pemberian projek manakala permohonan penyokong-penyokong pembangkang sering dikemudiankan.¹⁴ Terdapat ketua-ketua masyarakat yang mendakwa diri mereka di *black listed* dan tidak diberi projek kerana tidak menyokong calon parti kerajaan.¹⁵ Ini bukanlah sesuatu yang baru di Sarawak malah Searle (1983:137) membuat pemerhatian yang sama lebih dua puluh tahun yang lalu apabila beliau menyatakan “*only headmen and long houses that supported the government parties would obtain projects or development schemes*”.

Pembahagian MRP yang semata-mata berdasarkan pertimbangan politik telah menyebabkan kampung atau rumah panjang berpecah. Menurut seorang ahli politik, sekurang-kurang dua buah rumah panjang di kawasan beliau telah berpecah akibat daripada pembahagian projek MRP.¹⁶ Projek dikatakan tidak dibahagikan dengan adil. Pembangkang berpendapat bahawa MRP adalah dibiayai menggunakan peruntukan kerajaan dan justeru itu semua orang layak untuk mendapat manfaat daripada projek tersebut. Tetapi memandangkan hanya calon-calon dari parti kerajaan yang berkuasa terhadap projek tersebut kemungkinan besar pertimbangan politik akan terus mempengaruhi pembahagian projek tersebut. Ini

¹² Temu bual, 23 Februari 2002; 28 Februari 2002.

¹³ Senarai projek-projek kilat dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri 1996 dalam Andrew (1997 : 81-83).

¹⁴ MRP seolah-olah seperti apa yang dimaksudkan oleh Bionat (1998:121), sebagai *post-dated cheque* yang boleh dibatalkan sekiranya calon tersebut kalah.

¹⁵ Menurut seorang Tuai Rumah, rumah panjang beliau disenarai hitamkan kerana beliau sangat kritikal terhadap kerajaan (temu bual dengan seorang Tuai Rumah di Sri Aman pada 11 Februari 2002).

¹⁶ *Hansard* 23 November 1987. Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) juga menggunakan taktik yang sama bila mereka berkuasa. Misalnya, MRP hanya diagihkan untuk penyokong mereka sehinggakan ada rumah panjang yang berpecah dua (*Hansard* 26 Mei 1988).

bermakna MRP boleh digunakan sebagai “*electoral patronage*” untuk ditukar dengan sokongan pengundi-pengundi (Aeria, 1997 :60). Sekiranya calon tersebut tewas projek yang telah diluluskan itu mungkin akan dipertimbangkan semula.¹⁷

Selain daripada hari penamaan calon beberapa siri rapat umum juga turut diadakan. Pada masa itulah projek-projek diagih-agihkan kepada pengundi-pengundi. Ini kerana pengundi mungkin sudah puas dengan janji-janji kosong dan sebab itulah mereka inginkan sesuatu yang “tangibles” diagihkan pada waktu berkempen. Menurut seorang ahli politik, “*the people enjoy listening to speeches but if the candidates do not give any projects or grants to the people then it is like empty talk*”.¹⁸

Implikasi kos pilihan raya yang tinggi ialah hanya orang yang kaya sahaja mampu berkempen dengan berkesan. Kedua, hanya kumpulan yang mempunyai akses kepada penaungan boleh agihkan projek kepada penyokong sebagai cara untuk mengekalkan sokongan.

9. Undi Menjadi Komoditi Perdagangan?

Kes Bukit Begunan pada tahun 1996 merupakan sesuatu yang menarik dalam sejarah pilihan raya di Sarawak. Kes ini menunjukkan betapa perlunya jumlah wang yang besar untuk menghadapi sesuatu pilihan raya. Ini juga bermakna peranan *financial backers* dalam sesuatu organisasi politik itu amat penting dan relevan.

Kawasan Bukit Begunan mempunyai 10,926 pengundi dan sebanyak 92 peratus adalah Iban, 6 peratus Cina dan 2 peratus Melayu. Pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri 1996, Bukit Begunan menyaksikan pertandingan satu lawan satu di antara calon BN dan seorang calon bebas. Pada bulan Januari 1997 Mahkamah Pilihan raya di Kuching memutuskan bahawa keputusan pilihan raya bagi kawasan Bukit Begunan pada tahun 1996 adalah tidak sah kerana mahkamah mendapati sebahagian besar daripada pengundi disogok dengan wang. Menurut hakim pilihan raya,

¹⁷ Berdasarkan pemerhatian, istilah yang sangat halus seperti “*berunding baru*” (fikir semula) sering digunakan bila berkempen di rumah panjang. Ini bermaksud calon yang meluluskan projek tersebut mungkin menarik balik kelulusan tersebut selepas keputusan pilihan raya diketahui. Ini sudah pasti akan dilakukan sekiranya jumlah undi yang diperolehi calon tersebut tidak sepertimana yang mereka jangkakan.

¹⁸ Temu bual 20 Mac 2002.

“... I am convinced beyond any reasonable doubt that it stands to reason that if not all, at least a sizeable number, of the people at the function were bribed...”¹⁹

Seorang saksi memberi keterangan berikut :

*I took RM20 in RM10 notes from the pilot and another RM20 in RM 10 notes from another person. The pilot put a cross on my palm with a red ink marker after he had given the money. Putting the cross on the palm was to indicate that a person had received the money. Then I saw some people, who had received the money, washing the red ink from their palms so that they could get another RM20 from the pilot. I also did the same.*²⁰

Jelas bahawa perbelanjaan calon-calon semasa pilihan raya tersebut melebihi had yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Pilihan raya, iaitu, RM30,000. Namun undang-undang pilihan raya membenarkan orang lain untuk berbelanja bagi calon yang bertanding. Seorang *tycoon* telah menyewa sebuah helikopter berjumlah RM24,300 untuk salah seorang daripada calon berkempen. Pengundi-pengundi dibayar di antara RM20 hingga RM100. Seperkara yang menarik dalam kes ini ialah bahawa pembelian undi dilakukan dihadapan pihak berkuasa dan tidak ada tindakan yang diambil. Seorang saksi menyatakan bahawa perbuatan beliau menerima duit adalah tidak salah kerana transaksi tersebut disaksikan pihak polis. Beliau berkata, “*I did not steal, there were policemen around...so when people give, I take the money.*” (Borneo Post 28 Januari 1997).

Kes tersebut sememangnya menunjukkan bahawa jumlah wang banyak diperlukan untuk membeli sokongan dan mobilsasi penyokong.

10. Kesimpulan

Kertas ini menunjukkan bahawa kumpulan peribumi Iban telah mengambil bahagian yang aktif dalam proses politik di dalam sesebuah negara moden. Dinamik serta *political realignment* yang kerap dalam politik masyarakat peribumi tersebut juga perlu dilihat secara positif sebagai usaha mereka untuk mengikut rentak dan menyesuaikan diri

¹⁹ *Sarawak Tribune* 14 Februari 1997.

²⁰ *New Straits Times* 28 Januari 1997.

dengan politik moden. Mereka turut terlibat secara langsung dengan pembentukan negara bangsa, berpolitik kepartian dan juga turut serta dalam kabinet yang menentukan hala tuju negeri Sarawak. Penglibatan politik peribumi Iban juga tidak lengkap sekiranya tidak mengambil faktor penaungan.

Sepertimana yang telah dijelaskan bahawa penaungan adalah diperlukan di ketiga-tiga peringkat. Di peringkat parti pula jumlah wang yang banyak juga diperlukan untuk mengukuhkan parti dan mobilisasi sokongan di peringkat akar umbi. Secara tidak langsung faktor-faktor ini akan membuatkan hubungan di antara orang politik dengan orang-orang korporat berkekalan. Di peringkat elit kaum pembahagian penaungan perlu untuk mengekalkan keharmonian dan kestabilan kaum-kaum yang berbagai-bagai. Pada masa pilihan raya pula penaungan dalam bentuk *tangible benefits* diperlukan untuk mendapatkan sokongan dalam bentuk undi untuk memenangi pilihan raya dan seterusnya mengekalkan kuasa. Walaupun politik Malaysia bertunjangkan politik etnik namun faktor penaungan memainkan peranan yang begitu penting dalam membuat interpretasi politik peribumi Iban. Ringkasnya, politik peribumi Iban perlu difahami dari kedua-dua perspektif, iaitu, etnik dan penaungan. Analisis bersandarkan kedua-dua faktor tersebut sudah tentunya membantu untuk menjelaskan dinamik politik peribumi Iban di Sarawak.

Rujukan

- Aeria, Andrew Charles Bernard, *"Politics, Business, the State and Development in Sarawak, 1970-2000"*, Phd Thesis, London School of Economics and Political Science, 2002.
- Brown, David Walter, *"Why Governments Fail to Capture Economic Rent: The Unofficial Appropriation of Rain Forest Rent by Rulers In Insular Southeast Asia Between 1970 and 1999,"* Phd Dissertation, Department of Political Science, University of Washington, 2001.
- Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak : A Study of the Sarawak United People's Party*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996.
- Cooke, Fadzilah Majid, "The Politics of 'Sustainability' in Sarawak," in *Journal of Contemporary Asia*, Vol.27, Issue 2, 1997 (pp.217-242).
- Colchester, Marcus, *Pirates, Squatters and Poachers : The Political Ecology of Dispossession of the Native Peoples of Sarawak*, Petaling Jaya : Survival International & INSAN, 1989.
- Crouch, Harold, "Money Politics in Malaysia", in Jomo, K. S., (ed.), *Mahathir's economic policies*, Kuala Lumpur : INSAN, 1988 (pp.87-89).
- Crouch, Harold, *Government and Society in Malaysia*, Ithaca, New York : Cornell University Press, 1996.
- Freeman, Derek, *Report on The Iban*, London: Athlone Press, 1970.
- Hong, Evelyn, *Natives of Sarawak : Survival in Borneo's Vanishing Forests*, Penang: Institut Masyarakat Malaysia, 1987.
- Jayum, Johan, *Iban Politics and Economic Development : Their Patterns and Change*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994.
- Jensen, Erik, *The Iban and Their Religion*, Claredon : Oxford University Press, 1974.

- Jitab, Kris and Ritchie, James (eds), *Sarawak Awakens : Taib Mahmud's Politics of Development*, Selangor : Pelanduk Publications, 1991.
- Leigh, Michael B., *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*, Sydney: Sydney University Press, 1974.
- Means, Gordon P., *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapore: Oxford University Press, 1991.
- Mersat, Neilson Ian & Sarok, Ahi, *Pilihanraya-Pilhanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Sarawak*, Kuching: Universiti Malaysia Sarawak, 1999.
- Mersat, Neilson Ian & Sarok, Ahi, "The Sarawak State Election", *Borneo Review*, Vol. XII Number 2, December 2001 (pp. 124-152).
- Milne, R.S., and Ratnam, K.J., *Malaysia – New States in a New Nation*, London : Frank Cass, 1974.
- Morrison, Alastair, *Fair Land Sarawak : Some Reflections of an Expatriate Official*, Ithaca: Southeast Asian Program Cornell University, 1993.
- Richards, Anthony, "*An Iban-English Dictionary*", Kuala Lumpur : Oxford Universiti Press, 1997.
- Ritchie, James, *Sarawak : A Gentleman's Victory for Taib Mahmud*, Kuala Lumpur : Pelanduk Publications, 1987.
- Sabihah Osman, "*Malay-Muslim Political Participation in Sarawak : 1952-1987*", Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS) Field Report Series, Singapore: ISEAS, 1987.
- Sachsenroder, Wolfgang and Ulrike E. Frings, *Political party systems and democratic development in East and Southeast Asia*, Aldershot, Hants, England ; Brookfield, Vt., USA : Ashgate, 1998.
- Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak (1946-1966)*, Singapore: Oxford University Press, 1985.

Searle, Peter, *Politics in Sarawak 1970-1976 : Iban Perspective*, Singapore: Oxford University Press, 1983.

Sesser, Stan, *The Lands of Charm and Cruelty : Travels in Southeast Asia*, New York: Random House, 1993.

Taib Mahmud, "The Politics of Development : Roles and Challenges For the Elected Representatives", *Jernal AZAM*, Vol. VIII No.2, 1992 (pp.1-11).

Wee Chong Hui, *Sabah and Sarawak in the Malaysian Economy*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co, 1995.

Yong, Stephen, K.T., "Money Politics", *New Reality*, Vol.2, No.5, September-October 1999 (p.p).

Yu, Loon Ching, *The Plot That Failed*, Singapore : Summer Times, 1987.

Newspapers and periodicals

Aliran Monthly (Penang)

Malaysian Today (Kuching)

People's Mirror (Kuching)

The Edge Daily (Kuala Lumpur)

The New Straits Time (Kuala Lumpur)

The New Reality (Kuching)

The Sarawak Tribune (Kuching)

The Star (Kuala Lumpur)

Utusan Sarawak (Kuching)